

Kereta api elektrik Utara-Selatan

BH 14 JUN 1994

P

Oleh Wan Sabariah Shikh Ali

AYER KEROH, Isnin — Malaysia merancang mewujudkan sistem kereta api elektrik menghubungkan Johor Bahru di Selatan dan Bukit Kayu Hitam di Utara Semenanjung.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan memutuskan untuk menyediakan sistem kereta api pantas bagi menampung keperluan pengangkutan selaras dengan pertumbuhan pesat negara.

Katanya, sebuah syarikat Perancis menawarkan khidmat untuk menjalankan kajian yang dijadualkan bermula tidak lama lagi.

Setakat ini, belum ada perbincangan lanjut mengenai kos atau tempoh kajian itu.

Dr Mahathir berkata, projek kereta api elektrik menggunakan landasan berkembar yang sedang dibina hanya menghubungkan Seremban-Rawang-Kuala Lumpur-Pelabuhan Klang.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan kilang besi waja, Or-nasteel Enterprise

kala negeri seperti Melaka memerlukan landasan baru.

Sebelum itu, Dr Mahathir juga berkata Lapangan Terbang Batu Berendam tidak akan dinaik taraf kepada lapangan terbang antarabangsa.

Menurutnya walaupun Kerajaan Melaka mengemukakan permohonan menaik taraf lapangan terbang itu, kerajaan memutuskan ia lebih sesuai dimajukan sebagai pusat industri penerbangan.

Kawasan itu yang termasuk dalam kawasan Bandar Teknologi Komposit (BTK) iaitu pusat pengeluaran bahan komposit dan komponen pesawat Eagle X-TS, juga digunakan sebagai pusat latihan penerbangan bagi Akademi Penerbangan Malaysia (MFA).

BTK akan dibangunkan di kawasan 200 hektar secara berperingkat-peringkat. Fasa pertamanya ialah pembinaan kilang mengeluarkan bahan komposit termasuk komponen bagi syarikat Eagle Aircraft Malaysia Sdn Bhd yang berpangkalan di Perth, Australia.

Corporation (M) Sdn Bhd, di sini hari ini, beliau berkata sistem kereta api elektrik perlu walaupun pengangkutan awam seperti kapal terbang dan bas banyak beroperasi di negara ini.

Katanya rakyat negara ini semakin bertambah menyebabkan wujud keperluan pengangkutan yang lebih banyak dan menjimatkan masa perjalanan.

Dr Mahathir berkata sistem kereta api elektrik turut digunakan di negara maju seperti Jepun yang mempunyai lebih banyak pengangkutan awam dan di negara membangun seperti India.

Menurut beliau projek itu mungkin dikendalikan oleh KTM Berhad (KTM3) atau kerajaan sendiri membuat pelaburan sebelum diserahkan kepada sektor swasta.

Perdana Menteri berkata jika projek itu dilaksanakan, landasan sedia ada mesti diluruskan bagi membolehkan kereta api elektrik berfungsi mana-

Fasa kedua ialah pembinaan kilang pemasaan vesawat ringan Eagle Aircraft.

Projek itu dikendalikan oleh Composites Technology Development Corporation (CTDC). CTDC ialah sebuah syarikat usahasama di antara Composites Technology Research (M) Sdn Bhd dengan sebuah syarikat milik FACB Bhd.

Dr Mahathir berkata Malaysia tidak berhasrat bersaing dengan mana-mana pihak dalam perusahaannya pembuatan kapal terbang, kerana pengeluaran pesawat kecil Eagle sudah memadai bagi Malaysia.

Apa yang Malaysia mahukan ialah teknologi komposit dan kemahiran pembuatan kapal terbang untuk rakyatnya sebagai persediaan mencapai matlamat negara maju menjelang tahun 2020.

Dengan adanya industri teknologi tinggi di negara ini, Malaysia akan dapat meningkatkan prestasi perindustrian ke tahap yang lebih baik, katanya.